

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HKN 206 – KESUSASTERAAN BERCORAK ISLAM  
DI NUSANTARA**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Sarjana-sarjana Islam telah menafsirkan bahawa konsep nur dan simbol burung dalam **Hikayat Nur Muhammad** dapat memancarkan tingkat-tingkat kejadian alam transenden. Bincangkan.
2. Perincikan secara jelas ciri-ciri dan struktur pengisian sebuah karya yang dikelaskan sebagai sebuah karya bercorak Islam. Dengan memfokuskan kepada **Maulud Jawi (Kanz al-Ula)**, bincangkan sejauhmanakah pengisian kitab ini masih relevan dan signifikan dengan kehidupan masyarakat kini?
3. Entji' Amin telah mengarang **Syair Perang Mengkasar** dengan tujuan untuk memelihara agama dan kedaulatan negara. Pada pandangan anda sejauhmanakah hasrat pengarang menerusi lirik-lirik syair tersebut dapat memperlihatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Makasar ketika itu?
4. Jelaskan maksud sastera sufi. Berdasarkan penjelasan itu bincangkan perkaitan di antara pengalaman kesufian Hamzah Fansuri dengan fahaman Wahdatul-Wujud seperti yang terpancar menerusi **Rubai Hamzah Fansuri**.
5. Bincangkan secara kritis kedudukan **Hikayat Maharaja Ali** sebagai sebuah Cerita Berbingkai. Dengan meneliti perjalanan hidup yang ditempuhi oleh Maharaja Ali dan keluarganya, bahaskan pandangan A. Bausani yang menyatakan bahawa "Islam telah mengubah sebuah mitos yang serius kepada sebuah cerita hiburan yang remeh."
6. Berdasarkan perjalanan hidup Sultan Ibrahim menerusi **Hikayat Sultan Ibrahim ibn Adham**, huraikan maksud *mujahadah*. Dengan mengemukakan contoh-contoh peristiwa yang sesuai, kemukakan pandangan kritis anda sejauhmanakah episod-episod yang dilalui oleh Sultan Ibrahim itu dapat membuktikan kejayaan baginda menjalani proses tersebut?
7. Jelaskan pembahagian tahap-tahap insan seperti yang dikemukakan oleh Tuan Tabal menerusi Kitab **Jala'al-Qulub Bidhikrillah**. Setelah itu huraikan bagaimana tahap-tahap insan itu dapat mencapai taraf *al-insan al-kamil* mengikut saranan pengarang.